

## Penggunaan Metode Tafsir bi al-Ra'y dalam Tafsir al-Manar: Satu Analisis

Mustaffa Abdullah

### **Abstract**

*This article discusses the approach of Tafsir bi al-Ra'y by Sayyid Muhammad Rida Rasyid in his Tafsir al-Manar. The approach used in his tafsir has attracted Muslim people all over the world. However, some of the issues raised from the approach had brought controversy and polemic between him and traditionalist scholars in Egypt. The issues raised were black magic, jins, sinners who have committed great sin and the miracle of the Prophet Muhammad (p.b.u.h).*

**Keywords** *Exegesis on black magic, jins, miracles of Prophet Muhammad s.a.w.*

### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan pendekatan Tafsir bi al-Ra'y yang digunakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida dalam Tafsir al-Manar. Pendekatan tafsir yang digunakan oleh beliau ini menarik perhatian masyarakat Islam sedunia, namun sebahagian isu yang dikemukakan menerusi pendekatan tersebut menimbulkan kontroversi dan polemik antara beliau dengan ulama aliran tradisional di Mesir. Isu-isu yang dibincangkan ialah sihir, jin, orang-orang yang melakukan dosa besar dan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w.

**Kata Kunci** Tafsir sihir, jin, mukjizat Nabi Muhammad s.a.w.

## **PENDAHULUAN**

*Tafsir al-Manar* adalah sebuah karya tafsir yang dilihat banyak menggunakan metode *Tafsir bi al-Ray* dalam mentafsir ayat-ayat suci al-Quran. Penggunaan metode ini amat selari dengan pemikiran pengarangnya iaitu Sayyid Muhammad Rasyid Rida, seorang ulama islah yang memandang tinggi keupayaan akal. Justeru dalam *Tafsir al-Manar* yang dihasilkan membuka ruang yang luas kepada akal dalam mengupas pelbagai persoalan yang diutarakan oleh wahyu.

Bagi membuktikan kenyataan ini, beberapa persoalan berkaitan dengan sihir, jin, orang-orang yang melakukan dosa besar dan mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. akan diperhalusi dan dibincangkan dengan lebih teliti.

### **Konsep dan Skop Tafsir bi al-Ra'y**

Muhammad Husayn al-Dhahabi mendefinisikan *al-Tafsir bi al-Ra'y* sebagai pentafsiran berdasarkan pendapat seseorang *mufassir* berpandukan ijtihadnya sendiri, di samping mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab.<sup>1</sup> Sementara al-Zarqani berpendapat tafsir dalam konteks ini membawa maksud penerangan makna sesuatu ayat al-Quran berdasarkan kefahaman tertentu dan mengambil pengajaran daripada pendapat semata-mata.<sup>2</sup>

Berdasarkan definisi itu, boleh dikatakan bahawa ijtihad<sup>3</sup> dan pendapat peribadi seseorang *mufassir* merupakan sumber penting dalam *al-Tafsir bi al-Ra'y*,<sup>4</sup> kerana sumber al-ma'thur daripada Rasulullah s.a.w., para sahabat dan tabiin adalah terhad khususnya yang menyentuh persoalan semasa yang dihadapi umat Islam. Dalam hal ini para ulama khususnya Sayyid Muhammad Rasyid Rida dan ulama sealiran kelihatan mengambil sikap rasional dan realistik serta mengaitkannya dengan syarat dan batas ilmu yang ketat untuk mengelak pentafsiran yang dibuat berdasarkan metode *al-Tafsir bi al-Ra'y* tidak terkeluar daripada kehendak ayat yang sebenar. Hasilnya *al-Tafsir bi al-Ra'y* dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu *al-Tafsir bi al-Ra'y al-Madhmum* (tafsir dengan pendapat yang tercela) dan *al-Tafsir bi al-Ra'y al-Mamduh* (tafsir dengan pendapat yang terpuji).<sup>5</sup> Kebanyakan ulama tidak mengharuskan *al-Tafsir bi al-Ra'y al-Madhmum* kerana pentafsiran yang dilakukan berdasarkan hawa nafsu atau menyokong pendapat yang sesat, malah tafsir jenis ini berlandaskan sumber palsu, meragukan dan tidak mempunyai asas yang jelas, atau tidak menepati kehendak bahasa Arab dan tidak menepati dalil-dalil syarak lantaran cetek dalam menguasai ilmu pengetahuan.<sup>6</sup>

Penggunaan akal yang tidak dipandu oleh ilmu dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran membawa kepada kecelaruan dalam tafsir seperti yang dilakukan mereka yang terlalu fanatik dengan aliran sesuatu *firaq* dan mazhab, sehingga menjadikan mazhab sebagai dasar dan al-Quran sebagai perkara sampingan. Hal seumpama ini dianggap oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai bidaah yang terburuk dan tercela.<sup>7</sup> Lantaran itu, beliau berpendapat kecelaruan dalam mentafsir al-Quran adalah disebabkan dua faktor utama:<sup>8</sup>

- i. Mentafsir lafaz al-Quran kepada makna yang selari dengan kepercayaan dan keyakinan seseorang *mufassir* seperti yang dilakukan oleh pengikut sesuatu aliran (*firaq*) atau mazhab yang terlalu fanatik.
- ii. Mentafsir ayat-ayat al-Quran secara literasi semata-mata, tanpa menjaga maksud sebenar ayat-ayat al-Quran seperti yang dikehendaki oleh Allah. Penggunaan akal secara melulu tidak diharuskan, kerana ia membawa

kepada kesesatan. Sebagai contoh, ayat 195 surah al-Baqarah disalah tafsir oleh sesetengah golongan dengan mengatakan perjuangan jihad menentang musuh di medan perang adalah seperti mencampakkan diri ke dalam kebinasaan. Kesilapan ini diperbetulkan oleh Abu Ayyub al-Ansari dengan mengatakan, mencampakkan diri ke dalam kebinasaan sebenarnya ialah meninggalkan jihad dan mementingkan keduniaan.<sup>9</sup>

Oleh yang demikian Abu Ishaq al-Syatibi (m. 790H) dengan tegas mengatakan tidak wajar mentafsir al-Quran melainkan golongan yang berkelayakan, iaitu golongan yang mantap keilmuannya seperti sahabat, tabiin dan pengikut-pengikutnya. Manakala golongan yang keilmuannya tidak sampai ke tahap itu atau yang diragui keilmuannya, tidak dibenarkan mentafsir ayat-ayat al-Quran.<sup>10</sup>

Penggunaan ijtihad atau pendapat peribadi dalam mentafsir ayat-ayat al-Qur'an memerlukan ketinggian dan kematangan intelektual seseorang *mufassir* serta bersifat terbuka kepada kebenaran. Justeru Sayyid Muhammad Rasyid Rida masih menerima pendapat *mufassir* lain dan berkompromi dalam hal-hal yang diyakini kebenarannya. Pandangan dan komentar yang dikemukakan kepada beliau diteliti untuk mengelak kekeliruan berhubung tafsir al-Quran.<sup>11</sup>

Secara umum boleh dikatakan bahawa Sayyid Muhammad Rasyid Rida menggunakan akal secara meluas untuk mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Ia berkemungkinan sebagai hasil daripada keyakinan bahawa akal dan wahyu tidak bertentangan.<sup>12</sup> Menurut Abd. Allah Syahatah, Sayyid Muhammad Rasyid Rida cuba mentafsir menerusi pendekatan akal, bertujuan menangkis tuduhan jahat golongan orientalis yang mendakwa Islam sebagai agama khurafat.<sup>13</sup> Beberapa fakta di atas membuktikan bahawa Sayyid Muhammad Rasyid Rida menggunakan akal dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran dan perinciannya dapat dilihat menerusi perbincangan terhadap beberapa persoalan berikut:

### **Persoalan Sihir**

Para ulama berselisih pendapat berhubung persoalan nabi disihir. Sebahagian ulama berpendapat Nabi Muhammad s.a.w. disihir berdasarkan hadis yang terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Muslim* menerusi hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah dan orang yang menyihirnya ialah seorang Yahudi bernama Labid bin al-Asam. Sebahagian yang lain pula menafikan pendapat tersebut dan menegaskan bahawa Nabi tidak terkena sihir, demi menjaga kesucian wahyu dan kebenaran al-Quran.<sup>14</sup>

Berhubung dengan persoalan ini Sayyid Muhammad Rasyid Rida seperti gurunya Shaykh Muhammad Abduh menolak adanya sihir seperti yang difahami oleh masyarakat umum. Ia hanya dilihat sebagai suatu tipu daya yang hakikatnya tidak wujud,<sup>15</sup> malah ia disifatkan sebahagian daripada agenda

orang-orang bukan Islam merosakkan Islam.<sup>16</sup> Justeru beliau berpendapat Nabi Muhammad s.a.w. tidak boleh disihir, malah kesakitan yang dialami oleh Nabi Muhammad s.a.w. bukan disebabkan oleh perbuatan sihir, tetapi ia berlaku secara kebetulan dengan peristiwa itu.<sup>17</sup>

Dakwaan yang mengatakan Nabi Muhammad s.a.w. disihir berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim, sukar diterima oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida, kerana dianggap bertentangan dengan dalil al-Quran<sup>18</sup> dan kenyataan itu dilihat menggugat kemaksuman nabi.<sup>19</sup> Manakala hadis yang digunakan sebagai dalil adalah hadis *al-Ahad* dan bukannya hadis *Mutawatir*, sedangkan bagi beliau hadis *al-Ahad* tidak boleh digunakan sebagai hujah dalam menjelaskan sesuatu perkara yang berkaitan dengan akidah.<sup>20</sup>

Pendapat itu kelihatan selari dengan pendapat Ibn al-Qayyim,<sup>21</sup> Shaykh Muhammad Abduh, Sayyid Qutb<sup>22</sup> dan diterima oleh sebahagian ulama Melayu nusantara yang sealiran dengannya seperti Hj. Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka).<sup>23</sup> Oleh kerana itu, hadis yang menyatakan nabi terkena sihir Labid bin al-Asam<sup>24</sup> diragui oleh sebahagian ulama, kerana yang meriwayatkannya ialah Hisyam dari bapanya, kemudian dari Aishah, sedangkan riwayat Hisyam itu dikritik oleh ulama *al-Jarh wa al-Ta'dil*.<sup>25</sup> Justeru kritikan yang dilakukan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida terhadap hadis di atas kelihatan bukan hanya berdasarkan pendapat semata-mata, tetapi berpandukan kaedah ilmu hadis. Walau bagaimanapun penafian terhadap sihir ini adalah selari dengan pendapat muktazilah<sup>26</sup> dan bertentangan dengan pendapat majoriti ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.<sup>27</sup>

Apa yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida adalah kesan daripada logik akal yang digunakannya dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran di samping penguasaan ilmu hadis, sehingga dengan mudah meragui hadis nabi disihir berpandukan beberapa hujah dan alasan akal. Malah pendapat yang dikemukakan itu ditentang oleh sebahagian ulama al-Azhar contohnya Shaykh Yusuf al-Dajwi yang berpendapat para nabi harus ditimpa penyakit seperti yang dialami oleh orang lain termasuk sihir, tetapi ia tidak menggugat penerimaan wahyu.<sup>28</sup> Persoalan ini turut disentuh oleh Qadi Iyad yang menjelaskan bahawa sihir itu hanya memberi kesan kepada pancaindera zahir nabi sahaja dan tidak melibatkan akal, hati dan keyakinan, malah kesan sihir itu tidak mengganggu tugas-tugas kenabian.<sup>29</sup>

Dilihat dari sudut kemanusiaan, jelasnya nabi menerima elemen yang diterima oleh manusia biasa seperti sakit, demam, dukacita, kecewa dan lain-lain sifat seperti yang dinyatakan dalam al-Quran, kerana masalah itu tidak sedikitpun mempengaruhi kewarasan nabi.<sup>30</sup> Oleh itu tidak keterlaluan jika dikatakan nabi terkena sihir dalam konteks di atas seperti yang diriwayatkan oleh al-Bukhari dan Muslim yang disokong oleh kebanyakan para ulama. Kenyataan hadis bertentangan dengan dalil al-Quran kemungkinan hanya persepsi akal Sayyid Muhammad Rasyid Rida dan tidak semestinya diterima,

malah keraguan beliau terhadap perawi hadis seperti Hisyam tidak boleh menafikan kesahihan sesebuah hadis.<sup>31</sup> Tambahan pula ciri-ciri maksum yang ada pada nabi, seperti yang dihuraikan oleh al-Alusi<sup>32</sup> dapat mengelak kesan sihir itu daripada menggugat keperibadian dan status kenabian Nabi Muhammad s.a.w.

## Persoalan Jin

Sayyid Muhammad Rasyid Rida menolak pandangan ulama yang berpendapat jin boleh dilihat oleh mata kasar,<sup>33</sup> berdasarkan ayat 27 surah al-A`raf yang bermaksud: “Sesungguhnya ia (jin) dan pengikut-pengikutnya melihat kamu dari satu tempat yang kamu tidak dapat melihat mereka”. Sayyid Muhammad Rasyid Rida menolak pendapat yang mengecualikan beberapa keadaan sehingga memungkinkan manusia adakalanya boleh melihat jin dalam bentuk asal kejadiannya,<sup>34</sup> kerana menurut beliau, penglihatan manusia hanya terbatas kepada sebahagian benda yang ada di alamnya, manakala jin, syaitan dan seumpamanya adalah makhluk yang hidup di alam lain.<sup>35</sup> Hujah yang digunakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida ialah, orang yang mengaku melihat jin adalah akibat daripada khayalan atau kerana melihat sesuatu yang aneh sehingga disangkanya jin.<sup>36</sup>

Manakala hadis yang memperkatakan tentang manusia melihat jin adalah hadis bertaraf *daif*, kerana tidak ada satupun hadis yang menyatakan tentang keupayaan manusia melihat jin yang termasuk di dalam kategori *sahih*,<sup>37</sup> malah hadis yang diriwayatkan daripada Ibn Mas`ud yang mengatakan nabi pernah melihat syaitan dianggap oleh Imam al-Syafi`i sebagai perkara luar biasa yang hanya diberikan kepada seorang nabi dan tidak diberikan kepada orang lain.<sup>38</sup>

Menurut Shaykh Idris al-Marbawi, tafsiran dan persepsi Sayyid Muhammad Rasyid Rida terhadap jin amat berbeza daripada *mufassir* lain.<sup>39</sup> Contohnya tafsiran ayat 275, surah al-Baqarah, maksudnya: “Orang-orang yang memakan riba tidak dapat berdiri kecuali seperti berdirinya orang-orang yang dirasuk syaitan disebabkan penyakit gila”. Sayyid Muhammad Rasyid Rida berpendapat bakteria adalah sebahagian daripada jin.<sup>40</sup>

Seterusnya dengan penuh keterbukaan beliau menegaskan, apa yang ditakwilkan itu bukan bertujuan menolak fakta-fakta sains dan penemuan para saintis atau menokok nambah perkara itu dengan maklumat yang tidak mempunyai asas ilmu yang kuat.<sup>41</sup> Namun pendapat yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida mengenai persoalan jin itu amat tidak disenangi oleh Shaykh Yusuf al-Dajwi dan rakan-rakannya kerana dilihat bertentangan dengan syariat.<sup>42</sup>

Kenyataan yang dikemukakan oleh Shaykh Muhammad Rasyid Rida itu secara tidak langsung membuktikan bahawa *Tafsir al-Ilmi*<sup>43</sup> turut digunakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai metode tafsir, walaupun di

dalam mukadimah kitab tafsirnya dinyatakan tentang sikap beliau yang menolak *Tafsir al-Ilmi*<sup>44</sup> dan perkara itu dipanjangkan oleh para ulama.<sup>45</sup> Walau bagaimanapun sekiranya diteliti kandungan *Tafsir al-Manar*, di dalamnya masih terdapat tafsiran-tafsiran ilmi,<sup>46</sup> tetapi metode ini tidak digunakan dengan meluas. Walau apapun jelasnya, pentafsiran seperti ini adalah lahir daripada pengamatan dan penelitian seseorang *mufassir* yang menggunakan metode akal dalam mentafsir ayat-ayat al-Quran. Malah penggunaan sumber-sumber al-mathur semata-mata tidak memungkinkan seseorang *mufassir mentafsir* ayat-ayat *al-kawnniyyah* yang banyak terdapat dalam al-Quran.

## Orang yang Melakukan Dosa Besar

Persoalan yang berkaitan dengan kedudukan orang yang melakukan dosa besar banyak dibincangkan dalam karya-karya akidah, kerana ia adalah satu polemik pemikiran antara *mutakallimun* beraliran muktazilah dengan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah yang didokong oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sendiri.

Berhubung persoalan orang-orang yang melakukan dosa besar, Sayyid Muhammad Rasyid Rida terperangkap antara dua aliran, malah pandangan yang dikemukakan oleh beliau mengenai persoalan itu ditentang oleh majoriti ulama. Pertembungan pendapat ini sebahagiannya berpunca daripada sikap dan amalan Sayyid Muhammad Rasyid Rida yang menggunakan logik akal secara meluas dalam mentafsirkan ayat-ayat al-Quran termasuk yang menyentuh persoalan ini. Contohnya dalam mentafsirkan ayat 275 surah al-Baqarah mengenai kedudukan orang-orang yang memakan riba, Sayyid Muhammad Rasyid Rida berpendapat, mereka yang melakukan dosa itu sekiranya tidak bertaubat akan dimasukkan secara kekal di dalam neraka, beliau berkata:<sup>47</sup>

“Sesiapa yang mengulangi perbuatan memakan riba setelah ia diharamkan, maka nescaya mereka sudah jauh ketinggalan daripada mencapai peringatan daripada Tuhan yang tidak melarang mereka melainkan terhadap perkara-perkara yang mendatangkan kemudaratan terhadap individu dan masyarakat. Mereka adalah penghuni neraka yang kekal di dalamnya”.

Pendapat yang dikemukakan ini adalah selari dengan pendapat muktazilah yang berpendapat orang yang melakukan dosa besar akan kekal di dalam neraka sekiranya tidak bertaubat.<sup>48</sup> Sedangkan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah berpendapat hanya dosa kekufuran sahaja yang menyebabkan seseorang itu kekal di dalam neraka<sup>49</sup> seperti yang ditegaskan oleh al-Quran.<sup>50</sup> Menurut mereka, iman tidak akan hilang disebabkan perbuatan dosa<sup>51</sup> dan mereka percaya kepada konsep syafaat nabi di akhirat yang membantu menyelamatkan mereka daripada azab neraka.<sup>52</sup>

Pendapat yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida mengenai masalah itu ditentang oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah seperti yang dilakukan oleh Shaykh Yusuf al-Dajwi menerusi *Sawa'iq min Nar fi Radd `ala Sahib al-Manar*.<sup>53</sup> Justeru itu, Mustafa Muhammad al-Hadidi dengan berani menyatakan bahawa ayat yang berkaitan dengan riba di atas membawa maksud, orang yang kembali memakan riba dengan keyakinan bahawa jual beli adalah seperti riba, lalu mereka menghalalkannya seperti jual beli, maka balasan mereka ialah kekal di dalam neraka kerana menghalalkan perkara yang diharamkan dengan nas dan ijmak.<sup>54</sup> Pandangan ini selari dengan pendapat majoriti ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah.

### **Mukjizat Nabi Muhammad s.a.w.**

Majoriti ulama berpendapat mukjizat adalah perkara luas biasa yang tidak dapat ditandingi oleh manusia biasa. Ia diberi oleh Allah kepada seseorang yang mengaku menjadi nabi sebagai bukti kenabiannya.<sup>55</sup> Sayyid Muhammad Rasyid Rida seperti majoriti ulama lain menyakini kedudukan mukjizat ini,<sup>56</sup> tetapi yang menjadi perbincangan ialah apabila beliau menyempitkan skop mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. hanya kepada al-Quran dan menafikan sebahagian mukjizat nabi yang berbentuk *kawniyyah*.<sup>57</sup> Malah ayat-ayat *al-kawniyyah* yang diberikan kepada nabi itu diterima oleh beliau sebagai suatu penghormatan daripada Allah dan ia bukan mukjizat atau dalil untuk membuktikan kebenaran dakwahnya.<sup>58</sup>

Menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida, ayat-ayat al-Quran yang membincangkan permintaan kaum musyrikin tentang bermacam-macam mukjizat *hissiyyah* (inderawi), tidak satupun yang diperkenankan Allah. Rasulullah s.a.w. hanya diperintah menjawab dengan hujah al-Quran yang mengandungi berbagai maklumat dan dengan kemukjizatan al-Quran itu ia tidak dapat ditandingi oleh sesiapa. Justeru kegagalan menentang kemukjizatan al-Qur'an diharapkan dapat menghilangkan kesombongan masyarakat musyrikin dan akhirnya beriman,<sup>59</sup> kerana kebanyakan umat sebelum itu tidak beriman walaupun nabi dibekalkan dengan mukjizat *al-hissi* (inderawi) seperti yang ditegaskan oleh al-Quran<sup>60</sup> Lantaran itu kebenaran risalah dan kesahihan kenabian Nabi Muhammad s.a.w. perlu dibuktikan menerusi dalil ilmu dan hujah akal, bukannya menerusi dalil mukjizat berbentuk kawniyyah.

Selain daripada hujah akal, Sayyid Muhammad Rasyid Rida juga berdalilkan hadis nabi untuk menguatkan pendapatnya. Dikemukakan hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Muslim, dan Ahmad bin Hanbal daripada Abu Hurairah, maksudnya: "Tidak ada seorangpun nabi, kecuali diberikan mukjizat, sehingga dengannya orang-orang percaya kepadanya. Tetapi yang diberikan kepadaku adalah wahyu yang diwahyukan Allah, sehingga aku mengharapkan bahawa akulah yang mempunyai pengikut terbanyak di hari akhirat".<sup>61</sup>



Berpendukan hadis di atas, Sayyid Muhammad Rasyid Rida menegaskan tentang kemukjizatan al-Qur'an yang diberikan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan menafikan mukjizat *hissi* (inderawi). Kesan daripada itu beliau menolak beberapa pendapat yang menyatakan bulan pernah terbelah dua pada masa Nabi s.a.w. sebagai bukti kenabian kepada masyarakat musyrikin. Alasan yang dikemukakan oleh beliau ialah kerana peristiwa itu diriwayatkan menerusi hadis *Ahad* yang tidak mencapai taraf *mutawatir*<sup>62</sup> dan ia bertentangan dengan tafsiran ayat 59 surah al-Isra' dan beberapa ayat lain.<sup>63</sup> Sedangkan hadis tersebut dinyatakan oleh banyak ulama, termasuk Bukhari,<sup>64</sup> Muslim,<sup>65</sup> al-Tirmidhi,<sup>66</sup> Ahmad bin Hanbal<sup>67</sup> dan lain-lain. Bahkan riwayat lain mengenai perkara itu menurut Ibn Kathir menepati riwayat yang mutawatir dan sanad-sanadnya adalah sahih.<sup>68</sup>

Menurut Sayyid Muhammad Rasyid Rida, ayat pertama surah al-Qamar, bermaksud: "Telah dekat datangnya hari kiamat dan telah terbelah bulan"<sup>69</sup> tidak menunjukkan tentang terbelahnya bulan, tetapi perkataan *رحملا قشرا* bermaksud: Telah jelas kebenaran dan terbukti kebenaran itu dengan ayat-ayat al-Qur'an.<sup>69</sup> Justeru itu, peristiwa bulan terbelah dua seperti yang masyhur dalam hadis-hadis nabi dianggap oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai bercanggah dengan sistem alam.<sup>70</sup> Ia bertentangan dengan kenyataan sejarah serta menimbulkan masalah ilmiah dan bertentangan dengan logik akal.<sup>71</sup>

Berdasarkan argumentasi akal, beliau seterusnya berpendapat sekiranya benar orang-orang Quraisy mencabar Nabi Muhammad s.a.w. supaya membuktikan kenabiannya dan Allah memperkenankan permintaan itu, lalu bulan terbelah dua sama seperti yang diriwayatkan oleh Anas dalam *al-Sahihayn*, maka sudah tentu Allah akan menurunkan azabnya kepada orang-orang masih tidak beriman setelah melihat peristiwa itu. Walau bagaimanapun, terbukti azab tidak diturunkan ke atas mereka.<sup>72</sup> Keadaan ini digunakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida sebagai hujah untuk membuktikan bahawa bulan terbelah dua itu tidak berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w.

Pendapat yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida menyentuh persoalan ini sesungguhnya tidak popular dalam kalangan ulama,<sup>73</sup> bahkan ia ditentang oleh Shaykh Yusuf al-Dajwi secara terbuka.<sup>74</sup> Ia disokong oleh Mustafa Muhammad al-Hadidi, anggota jawatankuasa penyelaras *Tafsir al-Wasit* di Majma' al-Buhuth al-Qahirah yang mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.`a.w. sebagaimana dibekalkan dengan al-Quran, turut dibekalkan dengan beberapa mukjizat al-kawniyyah, antaranya bulan terbelah dua, air keluar dari celah-celah jarinya dan lain-lain lagi. Manakala hadis di atas sebenarnya menjelaskan tentang tonggak utama yang diberikan kepada nabi untuk menyokong perjuangannya dan dengan tonggak itu nabi mempunyai keistimewaan ke atas nabi-nabi sebelumnya setelah mereka sama-sama diberikan beberapa mukjizat *al-kawniyyah*.<sup>75</sup>



Perkara yang sama ditegaskan oleh Yusuf al-Qardawi dengan mengakui bahawa al-Quran sebagai mukjizat Nabi Muhammad s.a.w. yang terbesar. Ia melonjak kedudukan baginda mengatasi nabi-nabi yang lain. Walaupun begitu, Nabi Muhammad s.a.w. turut dibekalkan dengan berbagai mukjizat *al-kawnniyyah*, tetapi bukan bertujuan untuk membuktikan kenabiannya, namun ia hanya suatu kemuliaan, penghormatan dan rahmat daripada Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan orang-orang beriman.<sup>76</sup>

Pentafsiran yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida menerusi tafsiran ayat-ayat di atas membuktikan bahawa beliau menggunakan sumber akli dalam membuat huraian kepada persoalan tersebut dan kadangkala ia sukar diterima, lantaran mengkritik sesetengah hadis yang terdapat di dalam *Sahih al-Bukhari* dan *Muslim* yang dianggap sahih oleh kebanyakan ulama hadis. Walau apapun, hakikatnya inilah sebahagian daripada metode tafsir yang digunakan oleh beliau sehingga terhasilnya karya *Tafsir al-Manar*.

## Kesimpulan

Kekuatan dan keistimewaan *Tafsir al-Manar* terserlah menerusi metode *al-Tafsir bi al-Ra'y* yang digunakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida selain daripada metode *al-Tafsir bi al-Ma'tur*. Penggunaan metode itu dilihat memberi kesan kepada tafsiran ayat-ayat al-Quran, malah penggunaan ijtihad akal menerusi *al-Tafsir bi al-Ra'y* menyebabkan isu-isu semasa yang dihadapi oleh umat Islam pada zaman beliau dapat diberi penjelasan dengan baik sehingga ajaran al-Quran dapat difahami dengan mudah. Walau bagaimanapun kadang kala tafsiran akli yang dikemukakan oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida tidak dapat diterima oleh sesetengah ulama seperti yang berlaku antara beliau dengan Shaykh Yusuf Dajwi. Hal sedemikian berlaku kemungkinan hasil daripada penggunaan akal yang meluas dalam memahami nas sehingga beliau dengan berani menyatakan hujahnya dalam beberapa isu seperti nabi tidak boleh disihir, bulan tidak terbelah dua, menafikan mukjizat hissi yang berlaku kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan lain-lain, sedangkan perkara ini tidak disokong oleh majoriti ulama.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989). *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Jld. 1, Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 351.
- <sup>2</sup> Al-Zarqani (t.t.). *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Jld. 1, (t.tp): Dar al-Fikr, hlm. 22.
- <sup>3</sup> Namun ijtihad yang dilakukan oleh seseorang mufasssir dalam konteks *al-Tafsir bi al-al-Ra'y* tidak sama dengan ijtihad yang dimaksudkan dalam ilmu usul al-fiqh, di mana seseorang ulama fiqh memberi sepenuh perhatian untuk memahami hukum syarak berdasarkan dalil-dalil terperinci yang ditetapkan oleh syarak untuk membuktikan sesuatu hukum. Ijtihad dalam bidang fiqh dilakukan apabila tidak ada nas untuk membuktikan sesuatu hukum.

- Oleh kerana itu ijthid diperlukan untuk mengeluarkan intisari hukum dalam menangani permasalahan yang bersifat semasa. Ia tidak sama dengan ijthid dalam tafsir, kerana yang dimaksudkan dengannya ialah seseorang mufassir berusaha gigih dan memberi perhatian dalam memahami makna yang terkandung di dalam nas al-Quran dan mendedahkan makna lafaz-lafaznya yang mengandungi hukum, peringatan dan pengajaran. Lihat al-Ghazali. (1993). Dlm. Muhammad `Abd al-Salam `Abd al-Thani (ed.). *al-Mustasfa fi Ilm al-Usul*. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, hlm. 286; al-Amidi (t.t), *al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*, Jld. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah, hlm. 396-403; Muhammad Ahmad Zaghul (1999), *al-Tafsir bi al-Ra'y Qawa'iduh wa Dawabituh wa A'lamuh*, Damsyq: Maktabah al-Farabi. 169-170; Khalid `Abd al-Rahman al-`Ak. (1994), *Usul al-Tafsir wa Qawa'iduh*. Beirut: Dar al-Nafa'is, hlm. 176.
- <sup>4</sup> *Ibid.*, Muhammad Ahmad Zaghul. (1999). hlm. 169.
- <sup>5</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1986), *op.cit.*, Jld. 1, hlm. 271.
- <sup>6</sup> Al-Syatibi. (1994). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Jld. 4, Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 383.
- <sup>7</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*. Jld. 1, Kaherah: Dar al-Manar, hlm. 14.
- <sup>8</sup> *Ibid.*
- <sup>9</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*. Jld. 7, hlm. 145.
- <sup>10</sup> Al-Syatibi, 1994, *op.cit.*, h. 384.
- <sup>11</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999), *op.cit.*, Jld. 7, hlm. 80.
- <sup>12</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989), *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 554.
- <sup>13</sup> Abd. Allah Syahatah. (1980), *al-Tafsir bayn al-Madi wa al-Hadir*. Mesir: Dar al-`Itisam, hlm. 29.
- <sup>14</sup> Tawfiq Muhammad Syahin. (1997). *al-Sihr wa al-Tanjim wa al-Dajali wa al-Sya'wadha*. Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 17-18.
- <sup>15</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*. Jld. 1, hlm. 325, Jld. 7, hlm. 257, Jld. 9, hlm. 51; Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989). *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 557; Tawfiq Muhammad Syahin. (1997). *al-Sihr wa al-Tanjim wa al-Dajali wa al-Sya'wadha*. Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 17-18.
- <sup>16</sup> Muhammad `Abduh. (1965). *Risalah al-Tawhid*, Mesir: Maktabah wa Matba'ah Muhammad `Ali Sabih wa Awladih, hlm. 122.
- <sup>17</sup> Tawfiq Muhammad Syahin. (1997). *op.cit.*, hlm. 17-18.
- <sup>18</sup> Lihat surah al-Ma'idah: 67; Taha: 69.
- <sup>19</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999). *op.cit.*, Jld. 9, hlm. 51.
- <sup>20</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1985). *Tafsir al-Fatihah wa Sitta Suwar min Khawatim al-Quran*, Kaherah: al-Zahra' li al-`Ilam al-`Arabi, hlm. 109-110; Muhammad `Abduh. (1969). *Musykilat al-Qur'an al-Karim wa Tafsir Surah al-Fatihah*, Beirut: Mansyurat Dar Maktabah al-Hayat, hlm. 124, 126.
- <sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 127.
- <sup>22</sup> Sayyid Qutb. (1986). *Fi Zilal al-Quran*, Jld. 6. Beirut: Dar al-Syuruq, hlm. 4008.
- <sup>23</sup> Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1998). *Tafsir al-Azhar*, Jld. 30. Singapura: Pustaka Nasional, hlm. 8159.
- <sup>24</sup> *Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim* menceritakan peristiwa ini secara lengkap. Secara umum hadis itu menceritakan bahawa Nabi Muhammad disihir oleh seorang Yahudi bernama Labid bin al-A'sam, menyebabkan baginda menjadi khayal dan terasa melakukan sesuatu perkara, atau terasa mendatangi isterinya sedangkan perbuatan itu tidak dilakukannya. Allah memberitahu baginda mengenai perkara itu, bahan sihir yang diletakkan di tepi perigi dibuang, menyebabkan Nabi terhindar daripada sihir itu. Lihat al-Bukhari (t.th), *Sahih al-Bukhari, Bab al-Sihr*, Kaherah: Dar al-Fikr, hlm., 1071-1072; al-Nawawi, 1995, *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj. Bab al-Sihr*, Jld. 14. Beirut: Dar al-Ma'rifah, hlm. 396-399.

- <sup>25</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1985), *op.cit.*, hlm. 110-111; Muhammad `Abduh (t.t). *Musykilat al-Quran wa Tafsir Surah al-Fatihah*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat, h. 122-127, Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1986). *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 558.
- <sup>26</sup> `Abd al-Jabbar bin Ahmad al-Hamdhani (t.t). *Mutasyabih al-Quran*. Jld. 2, Kaherah: Dar al-Turath, hlm. 708; al-Zamakhsyari. (1995). *Tafsir al-Kasasyaf*. Jld. 4, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah hlm. 816; Muhammad bin `Abd. Allah al-Salman (t.th), *Rasyid Rida wa Da`wah al-Syaykh Muhammad `Abd al-Wahhab*, Buraydah: Nadi al-Qasim al-Adabi, Baridah, hlm. 159; Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989). *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 557.
- <sup>27</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999), *Tafsir al-Manar*, Jld. 9, hlm. 51; al-Nawawi. (1995), *op.cit.*, Jld. 14, hlm. 396.
- <sup>28</sup> `Abd al-Rafi` Nasr (t.t), *Sawa`iq min Nar fi Radd `ala Sahib al-Manar*. Mesir: Maktabah al-Taqaddum al-Tijariyyah, hlm. 19.
- <sup>29</sup> Al-Nawawi. (1995), *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Jld. 14, hlm. 397.
- <sup>30</sup> Wahbah al-Zuhayli, (1998). *Tafsir al-Munir fi al-`Aqidah wa al-Syari`ah wa al-Manhaj*, Jld. 30. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 473.
- <sup>31</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989). *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 558.
- <sup>32</sup> Al-Sayyid Mahmud al-Alusi. (t.t), *Ruh al-Ma`ani fi Tafsir al-Qur`an al-`Azim wa al-Sab`u al-Mathani*. Jld. 30, Beirut: Dar Ihya` al-Turath al-`Arabi, hlm. 283.
- <sup>33</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999), *Tafsir al-Manar*, Jld. 7, hlm. 261.
- <sup>34</sup> *Ibid.*
- <sup>35</sup> *Ibid.*
- <sup>36</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*, Jld. 8, Kaherah: Dar al-Manar, hlm. 325-326.
- <sup>37</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989). *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 559.
- <sup>38</sup> Muhammad Rasyid Rida, 1999, *op.cit.*, Jld. 8, hlm. 325-326.
- <sup>39</sup> Muhammad Idris `Abd. al-Rauf al-Marbawi (t.t), *Bahr al-Madhi*, Jld. 2, Kaherah: Dar al-Fikr, hlm. 116.
- <sup>40</sup> *Ibid.*, Jld. 3, hlm. 80-81, Jld. 7, hlm. 263, Jld. 8, hlm. 322.
- <sup>41</sup> Ignez Goldziher. (1955). *Madhabih al-Tafsir al-Islami*, `Abd. al-Halim al-Najjar (ed.). Mesir: Maktabah al-Khaniji, hlm. 383-384.
- <sup>42</sup> `Abd al-Rafi` Nasr (t.t), *op.cit.*, hlm. 14-16 & 40-43.
- <sup>43</sup> *Tafsir al-`Ilmi* didefinisikan oleh Muhammad Husayn al-Dhahabi sebagai tafsir yang membicarakan dengan mendalam istilah-istilah ilmiah dalam ayat-ayat al-Quran dan seterusnya mencuba mengeluarkan berbagai-bagai ilmu serta beberapa pandangan falsafah daripadanya. Manakala Abd al-Majid Abd al-Muhtasab melihat Tafsir al-Ilmi sebagai usaha yang dilakukan oleh seseorang pengarang tafsir menukar perumpamaan dalam al-Quran kepada teori dan istilah ilmiah serta mencuba sedaya upaya mengeluarkan pelbagai masalah ilmu dan pandangan falsafah daripadanya. Lihat Muhammad Husayn al-Dhahabi (1989), *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 454; Abd al-Majid Abd al-Salam al-Muhtasib. (1973), *Ittijahat al-Tafsir fi al-`Asr al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 247.
- <sup>44</sup> Sayyid Muhammad Rasyid Rida menolak metode *Tafsir al-`Ilmi* menerusi perkataannya: "Nasib malang yang menimpa umat Islam ialah kerana kebanyakan tafsir yang ditulis memesongkan para pembaca daripada mencapai tujuan dan hidayahnya yang tinggi dan mulia. Sebahagian pentafsir menjemukan pembaca dengan analisis ayat, perbincangan kaedah-kaedah nahu, makna-makna asing". Manakala Fakhri al-Razi pula memasukkan ke dalam tafsirnya ilmu matematik, kimia dan lain-lain ilmu baharu yang terdapat di zamannya seperti ilmu falak Yunani dan lain-lain. Terdapat *mufasssir* selepas itu yang mengikut golongan di atas, mereka mentafsir ayat dengan tafsiran yang panjang lebar hanya berdasarkan satu lafaz daripada lafaz-lafaz al-Quran seperti langit, bumi tumbuhan dan haiwan, seterusnya mengalih pandangan para pembaca daripada matlamat asal al-Quran. Muhammad Rasyid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*, Jld.1, hlm. 13. Hakikat petir, kilat, guruh dan sebab-sebab kejediannya bukanlah daripada subjek perbincangan al-Quran, juga kejadian angin, manusia

- dapat diketahui tanpa bergantung sepenuhnya kepada wahyu. Fenomena alam tabi'i disebut di dalam al-Quran sebagai pengajaran dan bahan bukti, kerana teori sains berkembang dan merosot serta berubah mengikut peredaran zaman. *Ibid.*, Jld.1, hlm. 148.
- <sup>45</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989), *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 495; `Abd al-Majid `Abd al-Salam al-Muhtasib. (1982), *Ittijahat al-Tafsir fi al-`Asr al-Rahin*. Jordan: Maktabah al-Nahdah al-Islamiyyah, hlm. 302; `Abd al-Majid `Abd al-Salam al-Muhtasib. (1973), *op.cit.*, hlm. 302-303; Salah `Abd al-Fattah al-Khalidi. (1986). *Madkhal ila Zilal al-Quran*. Arab Saudi: Dar al-Manarah li al-Nasyr wa al-Tawzi`, hlm. 65; Muhammad al-Fadil. (1970). *al-Tafsir wa Rijaluh*. Kaherah: al-Buhuth al-Islamiyyah, hlm. 175.
- <sup>46</sup> Sebagai contoh, ayat 164 surah al-Baqarah yang berkaitan dengan kejadian langit dan bumi ditafsirkan secara ilmiah dan ringkas oleh Sayyid Muhammad Rasyid Rida. Kemudian beliau mencadangkan kepada mereka yang berminat mendalami perkara tersebut supaya merujuk kepada sumber-sumber yang berkaitan. Muhammad Rasyid Rida. (1999), *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 46. *Tafsir al-`Ilmi* juga digunakan semasa membincangkan kemudaratan arak dan judi. Kemudaratan itu diuraikan dengan mendalam berdasarkan pendapat-pendapat doktor perubatan, antaranya ialah memberi kesan buruk kepada sel-sel badan yang menyebabkan penyakit hati dan buah pinggang serta kesannya ke atas lidah, perut, usus, sistem saraf dan lain-lain. Lihat *ibid.*, Jld. 2, hlm. 262-265.
- <sup>47</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999), *Tafsir al-Manar*, Jld. 3, hlm. 82-83; Mustafa Muhammad al-Hadidi. (1974). *Ittijah al-Tafsir fi al-`Asr al-Hadith*. Kaherah: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah, hlm. 80-81.
- <sup>48</sup> Abu Hasan al-Asy'ari. (1985). *al-Ibanah `an Usul al-Diyanah*. Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi, hlm.15; `Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi. (1990). *al-Farq bayn al-Firaq*. Muhammad Muhy al-Din `Abd al-Hamid (ed.), Beirut: al-Maktabah al-`Asriyyah, hlm. 116-117.
- <sup>49</sup> `Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi. (1990), *op.cit.*, hlm. 348; Yusuf al-Qardawi. (1989). *Fatawa Ma`asarah*, Kuwait: Dar al-Qalam, hlm. 134-135.
- <sup>50</sup> Surah al-Baqarah: 39, 217, 257, al-`Imran: 116, al-Nisa: 48, 116, 137, al-Ma`idah: 10, 72, al-Tawbah: 17, 68, 73, al-Ra`d: 5, Luqman: 13, Ghafir: 6, Fussilat: 28, Muhammad: 34, al-Taghabun: 10.
- <sup>51</sup> `Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi. (1990), *op.cit.*, hlm. 351.
- <sup>52</sup> *Ibid.*, hlm. 348, Abu Hasan al-Asy'ari. (1985), *op.cit.*, hlm. 139-140.
- <sup>53</sup> *Sawa'iq min Nar fi Radd'ala Sahib al-Manar* diusahakan oleh Syaykh `Abd al-Rafi` Nasr murid kepada Shaykh Yusuf al-Dajwi yang merupakan seorang ulama konservatif di al-Azhar. Di dalamnya memuatkan artikel yang ditulis oleh Syaykh Yusuf al-Dajwi yang pernah diterbitkan dalam *Majallah Nur al-Islam*. Artikel itu berbentuk kritikan terhadap tulisan-tulisan Sayyid Muhammad Rasyid Rida mengenai pembaharuan Islam. Lihat Shaykh `Abd al-Rafi` Nasr (t.th), *op.cit.*, hlm. 6.
- <sup>54</sup> Mustafa Muhammad al-Hadidi. (1974), *op.cit.*, hlm. 80-81.
- <sup>55</sup> `Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi. (1990), *op.cit.*, hlm. 344.
- <sup>56</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999). *Tafsir al-Manar*, Jld. 11, hlm. 202.
- <sup>57</sup> Muhammad Husayn al-Dhahabi. (1989), *op.cit.*, Jld. 2, hlm. 559.
- <sup>58</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999), *op.cit.*, Jld. 11, hlm. 148-149 & 286-287.
- <sup>59</sup> *Ibid.* Jld. 11, hlm. 148. Muhammad Rasyid Rida. (1929), *al-Manar*, Jld. 30, hlm. 363-364.
- <sup>60</sup> Surah Yunus: 20 ; al-Ra`d: 8,28; Taha: 133; al-`Ankabut: 50, 51; al-`An`am: 6, 39-41, 110-111; al-Isra': 60 ; Lihat juga Muhammad Rasyid Rida, 1929, *al-Manar*, Jld. 30, hlm. 365.
- <sup>61</sup> Al-Bukhari, (2001), *Sahih al-Bukhari, Kitab Fada'il al-Qur'an*, no. 4981, hlm. 942; *Kitab al-I'tisam bi al-Kitab wa al-Sunnah*, no. 7274, hlm. 1317; Muslim (t.th), *Sahih Muslim, Kitab al-Iman*, Jld. 1, Misr: Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi. hlm. 75; Ahmad bin Hanbal (t.th), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, Jld. 2, Riyad: Mu'asassah Qurtubah, hlm. 341; Muhammad Rasyid Rida. (1999), *op.cit.*, Jld. 11, hlm. 148, 287.
- <sup>62</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1929), *al-Manar*, Jld. 30, hlm. 371.
- <sup>63</sup> *Ibid.*, Jld. 30, hlm. 360.

- <sup>64</sup> Al-Bukhari. (2001), *op.cit.*, *Bab Insiyiqaq al-Qamar*, hlm. 700-701.
- <sup>65</sup> Muslim (t.th), *op.cit.*, *Bab Insiyiqaq al-Qamar*, Jld. 2, hlm. 521-522.
- <sup>66</sup> Al-Tirmidhi (t.t). *Sunan al-Tirmidhi, Bab ma Ja'a fi Insiyiqaq al-Qamar*, no. 2273, Jld. 3, Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyah, hlm. 322.
- <sup>67</sup> Ahmad bin Hanbal (t.th), *op.cit.*, Jld. 1, hlm. 377, 413, 447, Jld. 3, hlm. 275, 278, Jld. 4, hlm. 82.
- <sup>68</sup> Ibn Kathir (t.t). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jld. 4, Kaherah: Maktabah Dar al-Turath, hlm. 261.
- <sup>69</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1929), *al-Manar*, Jld. 30, hlm. 373.
- <sup>70</sup> *Ibid.*, Jld. 30, hlm. 363.
- <sup>71</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1999), *Tafsir al-Manar.*, Jld. 11, hlm. 287.
- <sup>72</sup> Muhammad Rasyid Rida. (1929), *al-Manar.*, Jld. 30, hlm. 368.
- <sup>73</sup> `Abd al-Qahir bin Tahir al-Baghdadi. (1990). *op.cit.* hlm. 344.
- <sup>74</sup> `Abd al-Rafi` Nasr (t.t), *op.cit.*, hlm. 39-40.
- <sup>75</sup> Mustafa Muhammad al-Hadidi. (1974). *op.cit.*, hlm. 84-85.
- <sup>76</sup> Yusuf al-Qardawi. (1989), *op.cit.*, hlm. 162.

## Bibliografi

- `Abduh, Muhammad. (1965). *Risalah al-Tawhid*. Mesir: Maktabah wa Matba`ah Muhammad `Ali Sabih wa Awladih.
- `Abduh, Muhammad. (1969). *Musykilat al-Quran al-Karim wa Tafsir Surah al-Fatihah*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- `Abduh, Muhammad (t.th). *al-Quran wa Tafsir Surah al-Fatihah*. Beirut: Dar Maktabah al-Hayat.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah. (1998). *Tafsir al-Azhar*. Jld. 30. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-`Ak, Khalid `Abd al-Rahman. (1994). *Usul al-Tafsir wa Qawa'iduh*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Al-Alusi, al-Sayyid Mahmud (t.t). *Ruh al-Ma`ani fi Tafsir al-Quran al-'Azim wa al-Sab'u al-Mathani*. Jld. 30. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Amidi. (t.th). *al-Ahkam fi Usul al-Ahkam*. Jld. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Asy`ari, Abu Hasan. (1985). *al-Ibanah `an Usul al-Diyanah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Baghdadi. `Abd al-Qahir bin Tahir. Muhammad Muhy al-Din `Abd al-Hamid (ed.). (1990). *al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Al-Bukhari (t.t). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Fikr li al-Tiba`ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi`
- Al-Dhahabi, Muhammad Husayn. (1989). *al-Tafsir wa al-Mufasssirun*. Jld.1 & Jld. 2 Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Fadil, Muhammad. (1970). *al-Tafsir wa Rijaluh*. Kaherah: al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Al-Ghazali. al-Mustasfa fi Ilm al-Usul. Muhammad `Abd al-Salam `Abd al-Thani (ed.), (1993). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Hadidi, Mustafa Muhammad. (1974). *Ittijah al-Tafsir fi al-'Asr al-Hadith*. Kaherah: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.

- Al-Hamdhani, `Abd al-Jabbar bin Ahmad (t.t). *Mutasyabih al-Quran*. Jld. 2. Kaherah: Dar al-Turath.
- Al-Khalidi, Salah `Abd al-Fattah. (1986). *Madkhal ila Zilal al-Quran*. Arab Saudi: Dar al-Manarah li al-Nasyr wa al-Tawzi`.
- Al-Marbawi, Muhammad Idris `Abd. al-Rauf. (t.t). *Bahr al-Madhi*, Jld. 2. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Muhtasib, `Abd al-Majid `Abd al-Salam. (1973). *Ittijahat al-Tafsir fi al-`Asr al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Muhtasib, `Abd al-Majid `Abd al-Salam. (1982). *Ittijahat al-Tafsir fi al-`Asr al-Rahin*. Jordan: Maktabah al-Nahdah al-Islamiyyah.
- Al-Nawawi. (1995). *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim bin al-Hajjaj*, Bab al-Sihr. Jld.14. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Al-Qardawi, Yusuf. (1989). *Fatawa Ma`asarah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Al-Salman, Muhammad bin `Abd. Allah (t.th). *Rasyid Rida wa Da`wah al-Syaykh Muhammad `Abd al-Wahhab*. Buraydah: Nadi al-Qasim al-Adabi
- Al-Syatibi. (1994). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari`ah*. Jld. 4. Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Al-Tirmidhi (t.th). *Sunan al-Tirmidhi*, Jld. 3. Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-Zamakhsyari. (1995). *Tafsir al-Kasysyaf*, Jld. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Al-Zarqani (t.th). *Manahil al-`Irfan fi `Ulum al-Quran*. Jld. 1. Kaherah: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1998). *Tafsir al-Munir fi al-`Aqidah wa al-Syari`ah wa al-Manhaj*, Jil. 30. Beirut: Dar al-Fikr.
- Goldziher, Ignaz. Dalam `Abd. al-Halim al-Najjar (ed.). (1995). *Madhahib al-Tafsir al-Islami*. Mesir: Maktabah al-Khaniji.
- Ibn Hanbal, Ahmad (t.th). *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*. Jld.1, Jld.2, Jld.3 & Jld.4. Riyad: Mu`assasah Qurtubah.
- Ibn Kathir (t.th). *Tafsir al-Quran al-`Azim*, Jld.3, Jld.4, Jld. 7& Jld. 8. Kaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Muslim (t.th). *Sahih Muslim*. Jld. 1 & 2, Misr: Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Nasr, `Abd al-Rafi` (t.th). *Sawa`iq min Nar fi al-Radd `ala Sahib al-Manar*. Mesir: Maktabah al-Taqaddum al-Tijariyyah.
- Qutb, Sayyid. (1986). *Fi Zilal al-Quran*. Jld. 6. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Rida, Muhammad Rasyid. (1985). *Tafsir al-Fatihah wa Sitta Suwar min Khawatim al-Quran*. Kaherah: al-Zahra` li al-`Ilam al-`Arabi.
- Rida, Muhammad Rasyid. (1999). *Tafsir al-Manar*. Jld. 1, Jld.7, Jld. 8, Jld.9. Jld.11 & Jld. 30. Kaherah: Dar al-Manar.
- Rida, Muhammad Rasyid. (t.th). *al-Manar*. Jld.1-35. Kaherah: Dar al-Manar.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (1998). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, Malaysia: Dar al-Kitab.
- Syahatah, Abd. Allah. (1980). *al-Tafsir bayn al-Madi wa al-Hadir*. Mesir: Dar al-`Itisam.
- Syahin, Tawfiq Muhammad. (1997). *al-Sihr wa al-Tanjim wa al-Dajali wa al-Sya`wadhah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Zaghlul, Muhammad Ahmad. (1999). *al-Tafsir bi al-Ra'y Qawa`iduh wa Dawabituh wa A`lamuh*. Damsyiq: Maktabah al-Farabi.